



**JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN

Tuan / Puan,

**NOTIS ARAHAN MEMOHON LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN
(DI PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN)**

Saya dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melalui **Garis Panduan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Dalam Talian Negeri Selangor 2022** oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPAJ) 2007**, di bawah Seksyen 3 memperuntukkan 'Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian atau menggunakan mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian tanpa suatu lesen dikeluarkan oleh 'Pihak Berkuasa Melesen'.

3. Untuk makluman, pihak tuan/ puan, hasil semakan mendapati **premis perniagaan tuan/ puan adalah terlibat di dalam pelaksanaan aktiviti Perniagaan Dalam Talian** yang dijalankan. Tuan/puan hendaklah mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada pihak Majlis dengan kadar segera (**rujuk Notis Pemberitahuan**).

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan diberi tempoh 7 (tujuh) hari bekerja dari tarikh penerimaan notis ini untuk mematuhi arahan tersebut. Sekiranya pihak tuan/puan didapati gagal mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak Majlis, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tanpa sebarang notis.

5. Sebarang pertanyaan, boleh terus berhubung dengan pegawai bertugas di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya di talian 03 42857344/ 7170. Kerjasama daripada pihak tuan/puan di dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MARLINA BINTI MOHAMAD PPC)

Pengarah

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan

b/p Yang DiPertua

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

PPT JULIA

CARTA ALIR TATACARA MEMOHON LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN

(DI PREMIS PERNIAGAAN – TAMBAHAN AKTIVITI PERNIAGAAN)



